

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS : PENAAKULAN DATA
PENDIDIKAN

KOD KURSUS : BBD 30402

KOD PROGRAM : 3 BBB, 3BBC, 3BBD, 3BBE

TARIKH PEPERIKSAAN : JUN/JULAI 2015

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : JAWAB **SEMUA** SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKA SURAT

SULIT

S1 (a) Dalam satu kajian berkenaan kejayaan membaca bagi murid tadika, beberapa pembolehubah telah dikenalpasti bagi membuat ramalan kebolehan mereka membaca. Berikut adalah beberapa pembolehubah yang digunakan: kesediaan membaca, umur, jantina dan status sosioekonomik.

- (i) Manakah pembolehubah yang mewakili skala nominal?
- (ii) Pembolehubah manakah yang boleh diukur dengan skala interval?

(4 markah)

(b) Berikut pada Jadual S1 menunjukkan beberapa pembolehubah yang dikaitkan dengan penyelidikan sains sosial:

Status sosio ekonomik	Kebolehan bercakap
Kepantasan menaip	Makanan yang disukai
Warga negara	Kebolehan muzik
Ketegasan	Tahun kelahiran
Fahaman agama	Umur

JADUAL S1

Berdasarkan pembolehubah yang terdapat dalam Jadual S1, nyatakan pembolehubah yang manakah boleh diukur dengan skala:

- (i) nominal
- (ii) interval
- (iii) ordinal

(6 markah)

S2 (a) Jadual S2, menunjukkan skor markah ujian Bahasa Spanyol untuk 32 orang pelajar.

56	70	80	86	67	66	64	63
58	72	80	88	79	77	75	75
60	72	80	89	85	84	84	82
62	73	81	89	98	94	91	90

JADUAL S2

Berdasarkan skor markah ujian Bahasa Spanyol tersebut, kirakan nilai;

- (i) min
- (ii) median
- (iii) mod
- (iv) sisihan piawai
- (v) berdasarkan nilai kiraan yang diperolehi, lakarkan graf histogram yang lengkap dan plotkan nilai min, median, mod dan sisihan piawai dalam graf histogram tersebut.

(10 markah)

- S3 Satu tinjauan telah dilaksanakan untuk mengkaji pelajar lelaki dan perempuan yang mempunyai masalah dengan rakan sebilik di Asrama Melewar. Didapati bahawa sebanyak 39% pelajar lelaki (46 daripada 117) mempunyai masalah dengan rakan sebilik berbanding dengan 31% daripada pelajar perempuan (37 daripada 120 orang). Data lengkap dipaparkan dalam Jadual S3 berikut;

Jantina	Bermasalah	Tidak Bermasalah
Lelaki	46	71
Perempuan	37	82

JADUAL S3

Kirakan ujian Chi- Kuasa Dua (Chi-Square) untuk menguji hipotesis iaitu samada wujudnya perbezaan yang signifikan (pada tahap keertian .05) antara pelajar lelaki dengan perempuan yang bermasalah dengan rakan sebilik di asrama.

(20 markah)

- S4 Data dalam Jadual S4 adalah dari dua kumpulan responden (pembolehkan tidak bersandar) yang mempelajari matematik menggunakan kaedah A dan B. Responden telah diminta untuk menyatakan persetujuan mereka terhadap pernyataan untuk mengukur sikap mereka terhadap subjek matematik dengan menggunakan skala likert, dimana; skala "1" bagi sangat tidak setuju dan skala "5" sangat setuju. Lakukan ujian hipotesis dengan menggunakan ujian statistik yang sesuai untuk menentukan perbezaan antara kedua-dua kumpulan. Sila nyatakan tiga (3) sebab mengapa anda memilih untuk menggunakan ujian statistik yang dipilih.

Kumpulan guna kaedah A untuk belajar matematik	Kumpulan guna kaedah B untuk belajar matematik
3	1
5	1
4	5
4	4
1	3
5	5

JADUAL S4

(20 markah)

- SOALAN TAMAT -